

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

---

UTHM/PB/100-6/4 Jld 4 ( 20 )

Tarikh: 18 Ogos 2025

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2025**

Semua Pengurus Bahagian  
*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**PINDAAN TEMPOH MENGEMUKAKAN TUNTUTAN OLEH STAF UNIVERSITI DAN INDIVIDU LUAR**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pindaan tempoh mengemukakan tuntutan oleh staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan individu luar.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Peraturan semasa berkaitan dengan tempoh mengemukakan tuntutan oleh staf universiti dan individu luar adalah merujuk kepada Pekeliling Bendahari Bil 4/2013, Pekeliling Bendahari Bil 4/2016, Pekeliling Bendahari Bil 1/2021 dan Pekeliling Bendahari Bil 2/2024.
- 2.2 Pada masa ini tempoh mengemukakan tuntutan oleh staf dan individu luar adalah tidak lewat dari 10 hari bulan dalam bulan berikutnya.
- 2.3 Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi AP 100(a) menyatakan bahawa tuntutan perjalanan hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 15 hari bulan dalam bulan berikutnya dan AP 100(b) menjelaskan hanya satu tuntutan perjalanan boleh dibuat bagi satu-satu bulan.
- 2.4 Pindaan ini bertujuan untuk memastikan pemohon dapat mengemukakan membuat tuntutan perjalanan/aktiviti/program dan lain-lain tuntutan dengan tempoh masa yang mencukupi.

2.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 5/2024 yang bersidang pada 07 Disember 2024 meluluskan pindaan tempoh mengemukakan tuntutan perjalanan/aktiviti/program dan lain-lain tuntutan tidak lewat dari 10 hari bulan dalam bulan berikutnya kepada tidak lewat dari 15 hari bulan dalam bulan berikutnya.

### 3. PELAKSANAAN TARikh AKHIR PENGHANTARAN TUNTUTAN STAF DAN INDIVIDU LUAR

- 3.1 Pelaksanaan tarikh akhir penghantaran tuntutan dari staf dan individu luar bagi tuntutan perjalanan/aktiviti/program dan lain-lain tuntutan hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 15 hari bulan dalam bulan berikutnya mulai tuntutan bulan September 2025.
- 3.2 Berikut adalah ringkasan pelaksanaan penghantaran tuntutan perjalanan, aktiviti, program dan lain-lain tuntutan :

Bil	Perkara	2022	2025
i)	Tuntutan perjalanan (termasuk tuntutan perjalanan melibatkan pendahuluan diri)	Selewatnya <b>10 hari bulan</b> dalam bulan berikutnya.	Selewatnya <b>15 hari bulan</b> dalam bulan berikutnya.
ii)	Tuntutan syarahan akademik sambilan / program pengukuhan akademik	Contoh : Tuntutan bulan <b>September 2022</b> perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada <b>10 Oktober 2022</b> .	Contoh : Tuntutan bulan <b>September 2025</b> perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada <b>15 Oktober 2025</b> .
iii)	Tuntutan-tuntutan lain (Contoh:Honorarium/Elaun Motosikal/Elaun Memandu)		

- 3.3 Walau bagaimanapun, tuntutan Elaun Pindah Rumah dan Pertukaran Stesen adalah kekal seperti ketetapan berikut :

Bil	Perkara	Tempoh Penghantaran Tuntutan
1.	Tuntutan Elaun Pindah	Tuntutan elaun perpindahan rumah hendaklah dikemukakan ke Pejabat Bendahari di dalam tempoh tidak lewat daripada <b>3 bulan</b> selepas tarikh perpindahan rumah dilakukan.
2.	Tuntutan Elaun Pertukaran Stesen	Bagi tuntutan elaun pertukaran stesen hendaklah dikemukakan dalam tempoh <b>satu tahun</b> selepas melaksanakan pertukaran seperti yang digariskan di dalam Pekeliling Perbendaharaan.

#### 4. PEMATUHAN PERATURAN

- 4.1 Pekeliling ini terpakai untuk staf Universiti dan juga individu dari luar.
- 4.2 Semua PTJ yang melantik penceramah/pensyarah dari luar hendaklah memastikan dan memaklumkan agar peraturan ini dipatuhi.
- 4.3 Sebarang rayuan tanpa alasan yang munasabah tidak akan dipertimbangkan.

#### 5. PEMBATALAN

- 5.1 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, pekeliling dan peraturan-peraturan dalam pekeliling berikut adalah dibatalkan :
  - (i) Perenggan 3.5 di dalam Pekeliling Bendahari Bil 4/2013 iaitu Pindaan Kadar Bayaran Pengajar/Jurulatih Sambilan Kursus Kokurikulum.
  - (ii) Perenggan 6.1(i) di dalam Pekeliling Bendahari Bil 4/2016 iaitu Garis Panduan Pengurusan Pendahuluan Diri, Pendahuluan Aktiviti Pelajar dan Pendahuluan Pelbagai.

- (iii) Perenggan 3.1.6 di dalam Pekeliling Bendahari Bil 2/2024 iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Proses Pembayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Secara Digital Sepenuhnya Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- (iv) Pekeliling Bendahari Bil 1/2021 iaitu Pindaan Tempoh Mengemukakan Tuntutan Oleh Staf Universiti Dan Individu Luar.

## 6. KUATKUASA PEKELILING


Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tuntutan bulan **September 2025**.

Kerjasama dari YBhg. Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan pekeliling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**  
**“MALAYSIA MADANI”**

Yang Benar.



**ISMAIL BIN HARON**

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
■ 7050

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| s.k | - | YBhg. Naib Canselor                                       |
|     | - | YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)    |
|     | - | YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)     |
|     | - | YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
|     | - | YBhg. Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh                  |
|     | - | Ketua Unit Audit Dalam                                    |